

06 APR 2000

Hijrah-Hamid

UMAT ISLAM DIAJAK BERHIJRAH SECARA MENTAL

KUALA LUMPUR, 6 April (Bernama) -- Masyarakat Islam di negara ini perlu berhijrah secara mental dan sikap bagi menghadapi dunia yang semakin mencabar.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri Datuk Paduka Dr Abdul Hamid Othman berkata hijrah mental dan sikap belum berlaku dengan nyata di negara ini.

"Inilah peranan dakwah yang mesti ditonjolkan," katanya ketika berucap pada majlis sambutan Maal Hijrah peringkat kebangsaan di Stadium Putra, Bukit Jalil, hari ini yang turut dihadiri Yang di-Pertuan Agong Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah, Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi dan menteri-menteri kabinet beragama Islam.

Abdul Hamid berkata dakwah mestilah membimbing seluruh rakyat agar menumpukan perhatian kepada dua tuntutan Islam iaitu fardu ain dan fardu kifayah.

Katanya terdapat salah faham di kalangan umat Islam di seluruh dunia termasuk di Malaysia iaitu perjuangan dalam menunaikan fardu kifayah bagi mencapai kesejahteraan hidup di dunia tidak tergolong dalam kerja agama.

"Pendapat seperti ini ditonjolkan oleh pensysrah-pensyarah secara individu dan terdapat juga dalam parti politik. Ini boleh melemahkan umat Islam dalam menghadapi dunia yang sangat mencabar pada hari ini," katanya.

Abdul Hamid juga berkata Islam mengajar bahawa apa jua perselisihan pendapat tidaklah boleh dibiarkan hingga umat berpecah-belah.

Katanya kejatuhan sesuatu bangsa termasuk umat Islam yang lampau berpunca daripada putusny tali persaudaraan.

"Kita perhatikan di negara kita pada hari ini, bibit perpecahan tali persaudaraan sudah bermula dan perkara itu tidak boleh dibiarkan berlarutan," katanya.

"Pendapat seperti ini ditonjolkan oleh pensysrah-pensyarah secara individu dan terdapat juga dalam parti politik. Ini boleh melemahkan umat Islam dalam menghadapi dunia yang sangat mencabar pada hari ini," katanya.

Abdul Hamid juga berkata Islam mengajar bahawa apa jua perselisihan pendapat tidaklah boleh dibiarkan hingga umat berpecah-belah.

Katanya kejatuhan sesuatu bangsa termasuk umat Islam yang lampau berpunca daripada putusny tali persaudaraan.

"Kita perhatikan di negara kita pada hari ini, bibit perpecahan tali persaudaraan sudah bermula dan perkara itu tidak boleh dibiarkan berlarutan," katanya.

Bercakap kepada pemberita kemudian, Abdul Hamid berkata semua kerajaan negeri perlu menguatkuasakan undang-undang bagi mengawal akidah umat Islam daripada terpesong dengan melakukan kegiatan yang menyeleweng daripada agama.

Katanya, undang-undang berkaitan pengawalan akidah telah sedia ada dan hanya menunggu kelulusan daripada kerajaan negeri sahaja.

Beliau diminta mengulas langkah Kerajaan Perlis yang akan membentangkan Rang Undang-undang Perlindungan Akidah Islamiah (Negeri Perlis) 2000 pada persidangan Dewan Undangan Negeri esok yang bertujuan melindungi, memulih dan menentukan akidah umat Islam dengan memberi kuasa kepada mahkamah syariah untuk menentukan kedudukan pihak yang cuba memesongkan akidah Islam.

Abdul Hamid berkata, undang-undang yang hampir sama telah dilaksanakan di Negeri Sembilan ketika ini tetapi mungkin memerlukan kepada beberapa tambahan.

Katanya, Pusat Pemulihan Akidah di Jelevu, Negeri Sembilan ketika ini hanya menerima kemasukan umat Islam yang menyeleweng secara sukarela seperti kemasukan beberapa bekas pengikut kumpulan Al-Arqam.

Mengenai keputusan kerajaan Terengganu mengeluarkan lesen menjual arak membuktikan PAS tidak konsisten dengan pegangan politiknya.

"PAS baru mengetahui untuk mentadbir sesebuah negeri bukan perkara mudah," katanya.

-- BERNAMA

GM RZS MAI